

Penyelesaian dibuat secara menyeluruh

Cadangan kuat kuasa dasar dipersembah kepada Majlis Raja-Raja

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kabinet semalam mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah untuk mempersembahkan cadangan bagi mengukuhkan penguatkuasaan dasar berhubung kalimah 'Allah' kepada Majlis Raja-Raja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kenyataan media, berkata ia bagi menyelesaikan isu kalimah 'Allah' secara menyeluruh dan bersepadu.

Pada masa sama, beliau berkata, kerajaan juga komited memperkukuh perpaduan dan keharmonian di antara kaum dan agama di Malaysia.

Perdana Menteri memaklumkan, mesyuarat Jemaah Menteri, semalam telah membincangkan mengenai keputusan Peguam Negara untuk menarik balik rayuan terhadap kes seorang wanita beragama Kristian, Jill Ireland Lawrence Bill berhubung bahan penerbitan yang mengandungi kalimah 'Allah'.

"Jemaah Menteri mengambil maklum bahawa keputusan yang dibuat hanya berkisar soal pentadbiran dan tidak merubah ketetapan yang dibuat Mahkamah Persekutuan pada 2014.

"Jemaah Menteri menegaskan kerajaan menghormati, mem-

perakui dan menerima pakai ketetapan enakmen negeri-negeri dan titah Yang di-Pertuan Agong pada 7 Februari 2023, yang menzahirkan agar dikekalkan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa berhubung isu penggunaan kalimah 'Allah'.

"Kerajaan akan sentiasa mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, terutama Perkara 3 berhubung agama Islam adalah agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai," katanya dalam kenyataan itu.

Isu jadi polemik

Isu kalimah Allah menjadi polemik selepas Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan kerajaan bulan lalu menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 2021 yang memutuskan penganut agama Kristian boleh menggunakan kalimah 'Allah' dan tiga perkataan Arab yang lain dalam penerbitan bahan agama mereka bagi tujuan pembelajaran.

Notis pemberhentian rayuan semakan kehakiman itu difailkan Pejabat Peguam Negara di Pejabat Pendaftar Mahkamah Rayuan di Putrajaya, pada 18 April lalu.

Notis itu menyatakan bahawa KDN dan kerajaan Malaysia tidak berniat untuk meneruskan rayuan yang difailkan pada 12 Mac 2021.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 10 Mac 2021 membenarkan permohonan semakan kehakiman Jill Ireland yang memohon perisytiharan mengenai hak Perlembagaannya berhubung penggunaan kalimah 'Allah' dalam penerbitan agama berkenaan.

Dalam keputusannya, Hakim Mahkamah Tinggi (kini Hakim Mahkamah Rayuan) Datuk Nor Bee Ariffin memutuskan kali-

mah 'Allah' boleh digunakan dalam penerbitan bahan agama Kristian bagi tujuan pembelajaran dan tiga lagi perkataan yang dibenarkan dalam penerbitan bahan agama Kristian ialah "Kaabah", Baitullah dan 'solat'.

Nor Bee berkata, arahan oleh KDN pada 1986 untuk tidak membenarkan penggunaan empat perkataan itu menyalahi undang-undang dan tidak rasional.

Isu itu bermula 15 tahun lalu apabila Jill Ireland memulakan permohonan kebenaran semakan kehakiman pada 20 Ogos 2008 supaya dikembalikan lapan cakera padat (CD) yang dirampas daripadanya pada 11 Mei 2008, sebaik tiba di Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) di Sepang.

CD berkenaan bertajuk 'Cara Hidup Dalam Kerajaan Allah', 'Hidup Benar Dalam Kerajaan Allah' dan 'Ibadah Yang Benar Dalam Kerajaan Allah'.

Wanita itu memfailkan permohonan semakan kehakiman untuk mencabar penyitaan CD berkenaan serta memohon perisytiharan mengenai hak perlembagaannya berhubung penggunaan kalimah Allah' dalam penerbitan Kristian.

Mahkamah Tinggi mendapati terdapat percanggahan antara keputusan dibuat Kabinet pada 19 Mei 1986 dan arahan pentadbiran yang dikeluarkan KDN pada 5 Disember 1986 berhubung isu itu.

Di bawah arahan Kabinet pada Mei 1986, penganut Kristian boleh menggunakan empat perkataan bahasa Arab iaitu Allah', 'Baitullah', 'Solat' dan 'Kaabah' dalam penerbitan mereka dengan syarat di luar kulit muka depan buku itu ditulis perkataan 'Untuk agama Kristian.'